

Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan 1

Latihan Bab5 : Aplikasi Teknologi

5.1 Reka Bentuk Sistem Fertigasi

5.1.5 Penilaian Lakaran Reka Bentuk Sistem Fertigasi

Jawab semua soalan

1. Antara yang berikut yang manakan bukan kriteria yang perlu dilakukan dalam penilaian lakaran reka bentuk sistem fertigasi
 - a) Kandungan inovasi, kreativiti, dan keaslian reka bentuk
 - b) Kecenderungan fungsi dan pratikal
 - c) Ergonomik
 - d) Kandungan warna dan kualiti

2. Berapakah kriteria yang diperlukan dalam membuat penilaian lakaran reka bentuk sistem fertigasi?
 - a. 5
 - b. 7
 - c. 6
 - d. 4

3. Sila berikan kriteria penilaian berdasarkan huraian yang diberikan
 - a) lakaran yang berkualiti akan dapat menarik minat pengguna untuk mencuba inovasi atau teknologi yang dicadangkan malah dapat menentukan sama ada reka bentuk itu boleh diterima di pasaran semasa atau sebaliknya

 - b) lakaran reka bentuk yang terhasil perlu mempunyai ciri ergonomic, iaitu tahan lasak dan tidak mudah roboh. Di samping itu, dapat memberi laluan pengedaran udara dan matahari yang mencukupi serta mempunyai ciri-ciri keselamatan

 - c) kedudukan lakaran reka bentuk baharu sistem fertigasi yang berfungsi dapat memenuhi keperluan pengguna yang tinggal di pelbagai jenis tempat kediaman seperti di rumah pangsa, rumah teres, atau di rumah kampung.

- D lakaran yang dihasilkan harus mempunyai inovasi. Ini dapat dilakukan dengan menambah baik fungsi komponen utama yang diguna supaya menjadi lebih cekap dan mesra pengguna.

- e) Lakaran reka bentuk baharu sistem fertigasi haruslah menunjukkan kelainan daripada sistem fertigasi yang ada pada masa ini. Nilai tambah boleh diberi pada lakaran dengan penggantian komponen kepada bahan-bahan mesra alam. Susun semula bagi menunjukkan imej, konsep, simbolik, menaawan, emosi serta penampilan yang menyerlah atau kontras.

4. Mengapakah penting untuk membuat penilaian lakaran reka bentuk sistem fertigasi
